

**GARISPANDUAN AM PELAKSANAAN KUTIPAN CAJ BAYARAN
LATIHAN SANGKUTAN KLINIKAL (*CLINICAL ATTACHMENT*)
DI KLINIK KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) OLEH
PENGAMAL PERUBATAN LULUSAN PROGRAM LALUAN PARALEL
PERUBATAN KELUARGA DARI SEKTOR SWASTA DALAM DAN LUAR NEGARA**

1. TUJUAN

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk:

- (a) Memberi panduan am mengenai permohonan dan pelaksanaan sangkutan klinikal (*clinical attachment*) di klinik kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) oleh pengamal perubatan lulusan program laluan paralel perubatan keluarga dari sektor awam dan swasta dalam dan luar negara.
- (b) Pengutipan dan penyeragaman caj bayaran bagi sangkutan klinikal (*clinical attachment*) di klinik kesihatan KKM dari pengamal perubatan lulusan program laluan paralel perubatan keluarga dari sektor awam dan swasta dalam dan luar negara yang membuat sangkutan klinikal tersebut.

2. LATAR BELAKANG

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK) sentiasa mengambil berat akan keperluan latihan sangkutan yang perlu dijalani oleh pengamal perubatan lulusan program laluan paralel perubatan keluarga. Pada ketika ini, terdapat banyak permohonan dari sektor awam dan swasta dalam dan luar negara untuk menempatkan pakar perubatan, untuk menjalani latihan sangkutan klinikal (*clinical attachment*) di klinik kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mendapat pengalaman dan meningkatkan kemahiran.

Implikasi positif lanjutan dari sangkutan klinikal ini adalah boleh memberi peluang kepada Malaysia menjadi pusat latihan perubatan bertaraf antarabangsa. Namun

demikian, pemantauan perlu dibuat agar tidak menjejaskan peluang latihan terhadap anggota KKM sendiri atau lain-lain implikasi negatif yang mungkin terjadi.

3. DEFINISI

3.1 “Program Laluan Paralel Perubatan Keluarga” merujuk kepada program laluan paralel perubatan keluarga yang dijalankan oleh institusi-institusi yang telah dikenalpasti dan diiktiraf oleh KKM (contoh: FRACGP, icFRACGP dan lain-lain yang diiktiraf oleh KKM dan *National Specialist Register*).

3.2 “Program Sarjana Perubatan Keluarga” merujuk program sarjana perubatan keluarga yang dijalankan oleh universiti awam dan diiktiraf oleh KKM.

3.3 “Pengamal Perubatan dari sektor awam” merujuk kepada pengamal perubatan yang berkhidmat dengan perkhidmatan kerajaan Malaysia selain daripada KKM seperti:

- a) hospital/ fasiliti di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia
- b) hospital universiti di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia
- c) universiti awam

3.4 “Pengamal Perubatan dari sektor swasta” merujuk kepada pengamal perubatan yang berkhidmat di sector swasta seperti:

- a) hospital/ fasiliti swasta
- b) klinik perubatan swasta
- c) universiti swasta

3.5 “Latihan sangkutan klinikal” merupakan satu proses pemindahan ilmu pengetahuan secara kemas dan berdisiplin, bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ini boleh dicapai melalui sebarang bentuk pembelajaran seperti latihan semasa bekerja dan program *mentoring / coaching / ccREDENTIALLING* atau yang seumpama dengannya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi.

4. CAJ BAYARAN YANG DIKENAKAN UNTUK SANGKUTAN KLINIKAL DI KLINIK KESIHATAN KKM

4.1 Caj bayaran latihan akan dikenakan untuk latihan sangkutan klinikal di klinik kesihatan KKM oleh pengamal perubatan daripada sektor swasta dalam dan luar negara selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10/2013 – Penetapan Kadar Bayaran Perkhidmatan dan Borang Kerajaan.

4.2 Semua pengamal perubatan lulusan program laluan paralel perubatan keluarga dari sektor swasta dalam dan luar negara yang menjalani latihan kepakaran/ sangkutan klinikal / praktikal di klinik kesihatan KKM perlu dikenakan caj bayaran yang telah ditetapkan seperti berikut:

4.2.1 RM 2,000 setahun bagi pengamal perubatan (warganegara) dan RM 3,000 setahun bagi pengamal perubatan (bukan warganegara);

4.2.2 Jika latihan memerlukan tempoh lanjutan 3 bulan , kutipan caj yang dikenakan adalah sebanyak RM 500 bagi pengamal perubatan (warganegara) dan RM 750 bagi pengamal perubatan (bukan warganegara);

4.2.3 Jika latihan memerlukan tempoh lanjutan 6 bulan, kutipan caj yang dikenakan adalah sebanyak RM 1000 bagi pengamal perubatan (warganegara) dan RM 1500 bagi pengamal perubatan (bukan warganegara);

PERKARA	CAJ BAYARAN	
	Warganegara	Bukan Warganegara
Menjalani latihan kepakaran/ sangkutan klinikal/ praktikal di klinik kesihatan KKM	RM 2,000 setahun (bayaran penuh perlu dijelaskan)	RM 3,000 setahun (bayaran penuh perlu dijelaskan)
a) Perlanjutan tempoh latihan sangkutan selama 3 bulan	RM 500	RM750
b) Perlanjutan tempoh latihan sangkutan selama 6 bulan	RM 1000	RM 1500

- 4.3 Caj bayaran yang dikutip merupakan hasil kerajaan dan bayaran perlu dibuat melalui Pejabat Kesihatan Daerah yang berkaitan.
- 4.4 Caj bayaran ini dikenakan kepada pengamal perubatan tersebut antara lain kerana mereka menggunakan kemudahan klinik kesihatan primer, tenaga kerja, peralatan, ruang, *consumables* dan sebagainya yang disediakan oleh kerajaan.
- 4.5 Tiada caj dikenakan bagi pengamal perubatan sektor awam seperti pengamal perubatan dari universiti awam atau lain-lain agensi kerajaan yang membuat sangkutan klinikal di klinik kesihatan KKM.
- 4.6 Caj bayaran juga tidak dikenakan untuk pegawai dalam dan luar negara yang dilantik secara kontrak oleh KKM yang bertugas untuk memberi perkhidmatan perawatan pesakit dan juga turut menjalani sangkutan klinikal dalam bidang tertentu.
- 4.7 Hasil daripada bayaran perkhidmatan hendaklah dimasukkan dalam Kumpulan Wang Yang Disatukan dengan menggunakan kod hasil yang telah ditetapkan mengikut prosedur kewangan semasa yang berkuat kuasa. Kutipan dan bayaran hasil berkenaan perlu dibuat melalui Pejabat Kesihatan Daerah yang berkaitan.

5. SYARAT-SYARAT UNTUK MENJALANI SANGKUTAN KLINIKAL DI KLINIK KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- 5.1 Semua pemohon mestilah tidak mempunyai penyakit berjangkit seperti HIV, Hepatitis B atau C, TB dan sebagainya.
- 5.2 Mempunyai perlindungan insuran perubatan terutamanya bagi bukan warganegara Malaysia kerana sekiranya mereka jatuh sakit semasa berada di Malaysia, rawatan perubatan adalah ditanggung oleh individu itu sendiri atau majikan dan konsep bayarannya adalah sama seperti amalan sedia ada.
- 5.3 Adalah menjadi tanggungjawab setiap pengamal perubatan warga asing memastikan mereka mematuhi semua undang-undang negara seperti mempunyai visa dan sebagainya.
- 5.4 Semua pengamal perubatan perlu berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia dan mempunyai *Annual Practising Certificate (APC)*.
- 5.5 Selaras dengan keperluan Seksyen 34(C) Akta Perubatan 1971, semua pengamal perubatan bukan kerajaan yang ingin berkhidmat di fasiliti KKM perlu mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia atau lain-lain pegawai mengikut peraturan semasa.

- 5.6 Sekiranya mereka menghadiri seminar yang dianjurkan oleh agensi luar, semua bayaran tidak ditanggung oleh KKM.
- 5.7 Kemudahan tempat tinggal tidak disediakan dan tidak akan menerima sebarang elaun/gaji semasa menjalani sangkutan klinikal tersebut.
- 5.8 Segala maklumat, data statistic, rekod perubatan dan lain-lain maklumat yang diperolehi semasa menjalani latihan sangkutan klinikal tersebut adalah sulit dan tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan termasuk untuk laporan / penerbitan tanpa kebenaran bertulis dari Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.
- 5.9 Pihak kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas kecederaan yang dialami atau penyakit yang diperolehi semasa tempoh sangkutan klinikal tersebut.
- 5.10 Pengamal perubatan yang menjalani latihan di klinik kesihatan KKM adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib), undang-undang sedia ada dan peraturan yang disediakan oleh pihak fasiliti kesihatan primer dari masa ke semasa
- 5.11 Pengamal perubatan yang menjalani sangkutan klinikal tidak boleh menandatangani Sijil Cuti Sakit (MC), Sijil Kematian, menyediakan Laporan Perubatan dan sebagainya yang boleh membawa kepada implikasi medikolegal

6. PERMOHONAN UNTUK MENJALANI SANGKUTAN KLINIKAL DI KLINIK KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- 6.1 Semua permohonan untuk menjalani sangkutan klinikal di klinik kesihatan KKM mestilah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- 6.2 Semua permohonan hendaklah dikemukakan terus oleh Ketua Jabatan kepada BPKK sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh penempatan.
- 6.3 BPKK bertanggungjawab untuk memproses setiap permohonan yang diterima dengan menentukan penempatan di klinik kesihatan dan penyelia. Proses kerja permohonan menjalani sangkutan klinikal ini adalah seperti di Lampiran 1.
- 6.4 BPKK berhak menolak permohonan sekiranya tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

6.5 Penerimaan pengamal perubatan untuk sangkutan klinikal di kesihatan kesihatan KKM mestilah tidak menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh KKM kepada pesakit dan juga tidak menjejaskan peluang latihan terhadap anggota KKM sendiri.

- i. Bilangan yang bakal diterima ditentukan oleh KKM.
- ii. Tempat / klinik kesihatan yang dipilih ditentukan oleh KKM.
- iii. Fasiliti KKM tersebut mestilah mempunyai nisbah pengajar: pelajar (*trainer: trainee ratio*) yang mencukupi.

7. LANTIKAN PENYELIA

7.1 BPKK akan memberi surat lantikan kepada Pakar Perubatan Keluarga yang dilantik sebagai penyelia. Proses kerja lantikan penyelia adalah seperti di Lampiran 2.

7.2 Tugas dan tanggungjawab penyelia adalah melatih pengamal perubatan yang menjalani latihan sangkutan mengikut modul latihan yang ditetapkan.

7.3 Menyemak, membuat penilaian dan menghantar laporan latihan sangkutan kepada pegawai penyelarasan di BPKK untuk tindakan selanjutnya.

7.4 Setiap penyelia yang dilantik hendaklah kekal menjadi penyelia tempoh yang dilantik bagi tempoh sekurang-kurangnya dua (2) tahun di klinik kesihatan yang sama.

7.5 Sekiranya penyelia bercadang untuk bertukar / melanjutkan pelajaran, penyelia yang dilantik perlu memastikan terdapat calon penyelia baru (telah dilatih) yang akan menggantikannya di klinik kesihatan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh pertukaran/ melanjutkan pelajaran.

8. KRITERIA PAKAR PERUBATAN KELUARGA UNTUK DILANTIK SEBAGAI PENYELIA

8.1 Sekurang-kurangnya gred UD 54 dan ke atas.

8.2 Telah diwartakan sebagai Pakar Perubatan Keluarga melebihi 5 tahun.

8.3 Bersedia dan kekal menjadi penyelia / preceptor yang dilantik sekurang-kurangnya dua (2) tahun di klinik kesihatan yang sama.

9. KRITERIA FASILITI UNTUK DILANTIK SEBAGAI TEMPAT MENJALANI SANGKUTAN KLINIKAL

9.1 Klinik kesihatan yang menawarkan kepakaran / disiplin dalam bidang pengkhususan berkaitan.

9.2 Kemudahan / kelengkapan klinik kesihatan yang memenuhi keperluan modul latihan.

10. LAMPIRAN

10.1 Lampiran yang disertakan adalah seperti berikut:

a) Lampiran 1 – Proses kerja permohonan untuk menjalani sangkutan klinikal di klinik kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia.

b) Lampiran 2 – Proses lantikan Pakar Perubatan Keluarga sebagai penyelia.

11. PERTANYAAN

11.1 Sebarang pertanyaan mengenai aspek teknikal dalam garis panduan ini bolehlah dikemukakan kepada:

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 8, Blok E10, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya


Tel: 03-8883 4011 Fax: 03-8883 6150

11.2 Pertanyaan mengenai aspek kewangan seperti tatacara kewangan dan kutipan hasil hendaklah dikemukakan kepada:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6-7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel: 03-8883 3109 / 03-8883 3066 Faks: 03-8883 4009

LAMPIRAN 1 – PROSES PERMOHONAN UNTUK MENJALANI SANGKUTAN KLINIKAL DI KLINIK KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



Nota:

* semua permohonan adalah melalui surat rasmi kecuali institusi yang menggunakan borang permohonan

LAMPIRAN 2 – PROSES PENEMPATAN DI KLINIK KESIHATAN DAN LANTIKAN PAKAR PERUBATAN KELUARGA SEBAGAI PENYELIA

